

# Perlu bagi perpaduan, kata PM

# Undi Barisan

# untuk berjaya

BN 4 APR 1985

**KOTA KINABALU, Rabu** — Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, berkata rakyat Sabah hendaklah mengundi Barisan Nasional berasaskan manfaat yang dinikmati di bidang politik, sosial dan ekonomi di bawah pemerintahan Berjaya.

Dalam perutusannya di manifesto Barisan Nasional (Berjaya), Perdana Menteri berkata, "undi Barisan Nasional ialah undi Berjaya, undi Barisan Nasional ialah undi perpaduan, keamanan dan kemakmuran.

Beliau menjelaskan, Berjaya ialah satu-satunya parti komponen Barisan Nasional di Sabah dan memerlukan undi rakyat untuk membarui mandatnya bagi meneruskan pemerintahan di negeri itu bagi penggal ketiga.

Bagi pertama kalinya Berjaya menggunakan simbol Barisan Nasional dalam pilihanraya umum Dewan Undangan Negeri Sabah yang melambangkan kemantapan politik dan kesedaran rakyat ke arah perpaduan di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Berjaya sebagai wakil Barisan Nasional di Sabah, memohon mandat rakyat berasaskan rekod pencapaian yang cemerlang di bidang politik, sosial dan ekonomi.

"Dalam masa pemerintahannya selama sembilan tahun, Sabah mencapai suatu tahap kemajuan politik yang stabil, kemakmuran sukuk kaum, keadilan ekonomi dan sosial yang lebih progresif," katanya.

Perdana Menteri berkata, Berjaya terus mempertahankan kebebasan dan hak asasi rakyat yang dijamin oleh perlembagaan Persekutuan sejak ia memulihkan kebebasan demokratik apabila memperoleh mandat dalam pilihanraya umum 1976.

Selepas memenangi pilihanraya umum 1981, Berjaya terus menyumbangkan usaha ke arah pembangunan yang lebih pantas dan progresif bagi mewujudkan sebuah negara yang kuat dan bersatupadu.

## Yakin

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kini sudah lebih 22 tahun Sabah merdeka menerusi Malaysia dan tidak stapa-pun meragui bahawa setiap warganegara adalah bebas untuk menyoal dasar kerajaan atau bertindak ke atas perkara-perkara yang kurang menyenangkan mereka, kecuali kedaulatan negara Malaysia.

Beliau menjelaskan, sebarang rancangan dan dasar kerajaan boleh tertakluk kepada sebarang perubahan atau pindaan jika sebilangan besar rakyat berkehendakannya.

"Akan tetapi, kewibawaan dan kedaulatan bangsa Malaysia adalah tidak dapat dipersoalkan lagi dan akan terus dipertahankan," ujarnya.

Sementara itu, dalam perutusannya, Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh yakin rakyat akan memilih Berjaya bagi penggal ketiga dengan majoriti yang besar sebagaimana dalam tahun 1981.

"Keyakinan saya bahawa anda akan memilih sekali lagi Barisan Nasional (Berjaya) untuk memerintah berdasarkan kemantapan politik kita. Saya percaya anda mempertahankan konsep masyarakat majmuk yang sebenarnya."